

IJTIHAD PENTADBIRAN DALAM PENETAPAN NISAB ZAKAT HARTA BERASASKAN EMAS: ANALISIS FIQH, EKONOMI DAN TATAKELOLA INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA

ADMINISTRATIVE IJTIHAD IN DETERMINING THE GOLD-BASED NIṢĀB FOR ZAKAT ON WEALTH: A FIQH, ECONOMIC, AND GOVERNANCE ANALYSIS OF ZAKAT INSTITUTIONS IN MALAYSIA

Mohammad Hidir Baharudin ^{1*}
Rahmawati Mohd Yusoff ²

¹ Pensyarah, Sekolah Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI), 80350 Johor Bahru, Johor, Malaysia (E-mail: hidir@kuijsi.edu.my)

² Pensyarah Kanan, Jabatan Undang-undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor, Kampus Segamat, Johor, Malaysia (E-mail: rahmawatimy@uitm.edu.my)

*Corresponding author: hidir@kuijsi.edu.my

Article history

Received date : 15-6-2026

Revised date : 16-6-2026

Accepted date : 28-7-2026

Published date : 30-7-2026

To cite this document:

Baharudin, M. H., & Mohd Yusoff, R. (2026). Ijtihad pentadbiran dalam penetapan nisab zakat harta berasaskan emas: Analisis fiqh, ekonomi dan tatakelola institusi zakat di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (84), 800 – 819.

Abstrak: Penetapan nisab zakat harta berasaskan emas merupakan isu fiqh dan tatakelola yang semakin signifikan dalam konteks volatiliti harga emas global dan kepelbagaian amalan institusi zakat di Malaysia. Dari sudut syarak, nisab emas mempunyai asas normatif yang tetap, iaitu 20-dinar atau 20 mithqal, yang lazimnya diterjemahkan dalam ukuran moden sebagai 85-gram emas. Namun begitu, cabaran kontemporari tidak terletak pada perubahan kadar nisab syarak, sebaliknya pada metodologi pentadbiran untuk menukar nilai 85-gram emas kepada mata wang semasa secara stabil, telus dan boleh dipertanggungjawabkan. Artikel ini menganalisis konsep ijtihad pentadbiran dalam penetapan nisab zakat harta berasaskan emas melalui tiga lensa utama, iaitu fiqh zakat, ekonomi emas dan tatakelola institusi zakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen terhadap teks fiqh, fatwa kontemporari, qawā'id fihiyyah, sumber harga emas global, serta amalan institusi zakat di Malaysia. Dapatan menunjukkan bahawa nisab emas berada pada wilayah thawābit al-shar', manakala mekanisme penilaian seperti harga harian, purata tahunan, purata bergerak dan ambang hibrid berada pada wilayah mutaghayyirāt al-tadbīr. Artikel ini mencadangkan Model Ambang Hibrid sebagai kerangka pentadbiran yang menggabungkan keteguhan nas, kestabilan ekonomi, ketelusan institusi dan perlindungan masalah asnaf serta muzakki. Sumbangan artikel ini terletak pada pembentukan kerangka integratif bagi membezakan antara nisab sebagai kadar syarak yang tetap dengan formula penilaian sebagai ijtihad pentadbiran yang boleh disemak berdasarkan masalah.

Kata Kunci: *Nisab, Zakat Harta, Emas, Ijtihad Pentadbiran, Qawā'id Fiqhiyyah, Maqāṣid Al-Sharī'ah, Tatakelola Zakat.*

Abstract: *The determination of the gold-based niṣāb for zakat on wealth has become an increasingly significant issue in Islamic jurisprudence and institutional governance, particularly in the context of global gold-price volatility and the diversity of practices among zakat institutions in Malaysia. From the Sharī'ah perspective, the niṣāb for gold is founded upon a fixed normative standard of 20 dinars or 20 mithqāls, commonly expressed in contemporary measurement as 85 grams of gold. The present-day challenge, however, does not concern any alteration to the Sharī'ah-prescribed niṣāb. Rather, it lies in developing an administrative methodology for converting the value of 85 grams of gold into current monetary terms in a manner that is stable, transparent, and accountable. This article analyses the concept of administrative ijtihad in determining the gold-based niṣāb for zakat on wealth through three principal issues: the jurisprudence of zakat, the economics of gold, and the governance of zakat institutions. The study adopts a qualitative approach based on document analysis of classical and contemporary fiqh texts, contemporary fatwas, qawā'id fiqhiyyah, global gold-price data, and the practices of zakat institutions in Malaysia. The findings demonstrate that the gold niṣāb falls within the domain of thawābit al-shar', namely, the immutable principles of the Sharī'ah, whereas valuation mechanisms such as daily pricing, annual averages, moving averages, and hybrid thresholds which fall within the domain of mutaghayyirāt al-tadbīr, or administrative variables that are open to review and adjustment. This article proposes a Hybrid Threshold Model as an administrative framework that integrates fidelity to the scriptural sources, economic stability, institutional transparency, and the protection of the welfare of both zakat beneficiaries and zakat payers. This article contributes in developing an integrative framework that distinguishes between the niṣāb as a fixed Sharī'ah standard and the valuation formula as a form of administrative ijtihad that may be periodically reviewed in accordance with considerations of maṣlahah.*

Keywords: *Niṣāb, Zakat on Wealth, Gold, Administrative Ijtihad, Qawā'id Fiqhiyyah, Maqāṣid Al-Sharī'ah, Zakat Governance*

Pengenalan

Nisab merupakan salah satu syarat utama kewajipan zakat kerana ia berfungsi sebagai ukuran minimum kewujudan kemampuan harta menurut syarak. Dalam konteks zakat harta kontemporari, nisab wang simpanan, pendapatan, aset kewangan dan barang dagangan lazimnya dirujuk kepada nilai emas atau perak (Al-Qaradawi, 1973). Di Malaysia, rujukan yang paling dominan ialah nisab emas, iaitu 85 gram emas. Walau bagaimanapun, apabila nisab emas diterjemahkan kepada nilai Ringgit Malaysia, ia tidak lagi beroperasi sebagai angka semata-mata, tetapi sebagai ambang kewangan yang berubah mengikut harga emas semasa. Perubahan ini menjadikan isu nisab bukan sekadar persoalan matematik, bahkan persoalan fiqh, ekonomi dan tatakelola.

Asas syarak bagi nisab emas dirumuskan daripada hadis yang menyebut kewajipan zakat apabila seseorang memiliki 20 dinar dan cukup haul (*Sunan Abu Dawud*, 1573). Prinsip kewajipan zakat sebagai pemindahan hak daripada golongan berada kepada golongan memerlukan juga diperkukuh melalui hadis pengutusan Mu'ādh ke Yaman yang diriwayatkan dalam sumber hadis utama (*Sahih al-Bukhari* 1395, t.th.; *Sahih Muslim*, 19a). Oleh yang demikian, Dār al-Iftā' Jordan telah menjelaskan bahawa asas penetapan nisab emas ialah

riwayat daripada Ibn ‘Umar dan ‘Ā’ishah serta hadis ‘Alī bin Abī Ṭālib tentang 20 dinar. Selain itu, fatwa tersebut turut menukulkan ijmak ulama dan pandangan Imam al-Nawawī bahawa nisab emas menurut mazhab Shāfi‘ī ialah 20 mithqal (Dār al-Iftā’ Jordan, 2010). Dalam ukuran kontemporari, kebanyakan sarjana menerima anggaran satu dinar sebagai 4.25 gram, lalu 20 dinar bersamaan 85 gram emas (Al-Zuhayli, t.th.). Diriwayatkan bahawa:

وَلَيْسَ عَلَيْكَ شَيْءٌ، يَعْنِي فِي الذَّهَبِ، حَتَّى يَكُونَ لَكَ عَشْرُونَ دِينَارًا، فَإِذَا كَانَ لَكَ عَشْرُونَ دِينَارًا وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ، فَفِيهَا نِصْفُ دِينَارٍ، فَمَا زَادَ فَجِسَابِ ذَلِكَ

“Tidak wajib zakat atasmu atas emas yang engkau miliki hingga 20 dinar. Apabila engkau memiliki 20 dinar dan telah berlalu haul ke atasnya, maka zakatnya ialah setengah dinar. Apa-apa yang melebihi kadar itu, maka kiraannya menurut kadar lebihan tersebut.”

(Dār al-Iftā’ Jordan, 2010)

Teks di atas menunjukkan bahawa nisab emas mempunyai kedudukan syarak yang tetap daripada sudut prinsip. Namun, permasalahan kontemporari muncul apabila masyarakat tidak lagi menilai kebanyakan harta zakat dalam bentuk emas fizikal, sebaliknya dalam bentuk wang fiat, simpanan bank, pendapatan, saham, pelaburan dan aset kewangan. Resolusi International Islamic Fiqh Academy menegaskan bahawa wang kertas moden mempunyai sifat thamaniyyah yang sempurna dan menerima hukum emas serta perak daripada sudut riba, zakat, salam dan hukum berkaitan (Dār al-Iftā’ Jordan, 2010). Disebutkan bahawa:

أَنَّهَا تُقَوَّدُ اِعْتِبَارِيَّةٌ فِيهَا صِفَةُ التَّمَنِّيَّةِ كَامِلَةٌ، وَلَهَا الْأَحْكَامُ الشَّرْعِيَّةُ الْمُقَرَّرَةُ لِلذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ مِنْ حَيْثُ أَحْكَامُ الرِّبَا، وَالزَّكَاةِ وَالسَّلَامِ، وَسَائِرُ أَحْكَامِهَا

“Wang kertas ialah wang i’tibārī yang mempunyai sifat nilai tukaran secara sempurna, dan ia mempunyai hukum-hakam syarak yang ditetapkan bagi emas dan perak dari sudut hukum riba, zakat, salam dan hukum-hakam lain yang berkaitan dengannya.”

(Dār al-Iftā’ Jordan, 2010).

Oleh itu, penetapan nisab zakat harta pada zaman moden memerlukan pemisahan analitis antara dua perkara. Pertama, nisab emas sebagai ukuran syarak yang bersifat tetap. Kedua, mekanisme pentadbiran untuk menukarkan nisab tersebut kepada nilai mata wang semasa. Pemisahan ini penting kerana kegagalan membezakannya boleh menyebabkan dua kekeliruan. Di satu pihak, institusi mungkin dianggap mengubah nisab syarak apabila memilih formula tertentu. Di pihak lain, masyarakat mungkin menganggap semua kadar Ringgit yang diumumkan oleh institusi zakat sebagai kadar syarak yang tidak boleh disemak. Oleh yang demikian, tulisan ini berhujah bahawa penentuan nilai Ringgit bagi 85 gram emas ialah wilayah ijtihad pentadbiran, bukan perubahan nas.

Selain itu, dalam konteks Malaysia, kepelbagaian kadar nisab antara negeri menunjukkan bahawa isu ini berkaitan rapat dengan sumber harga, tempoh semakan, tahap ketulenan emas, serta kaedah purata yang digunakan. Ketidakeragaman metodologi pentadbiran ini berpotensi mencetuskan kekeliruan dalam kalangan masyarakat awam dan mungkin mendorong berlakunya arbitraj zakat, di mana pembayar memilih untuk menunaikan zakat di negeri yang menetapkan kadar nisab yang lebih rendah. Oleh yang demikian, penyelarasan melalui satu kerangka ijtihad pentadbiran yang komprehensif adalah kritikal bagi memelihara keyakinan

(trust) pembayar zakat terhadap institusi (Saidon et al., 2024). Oleh yang demikian, penyelarasan melalui satu kerangka ijtihad pentadbiran yang komprehensif adalah kritikal bagi memelihara keyakinan (trust) pembayar zakat terhadap institusi. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) yang ditubuhkan untuk memastikan pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematik dan berkesan menghimpunkan statistik kadar nisab zakat harta berdasarkan sumber Majlis Agama Islam Negeri, dan data tersebut memperlihatkan bahawa kadar nisab dinyatakan dalam Ringgit Malaysia serta berubah mengikut tahun dan negeri (JAWHAR, t.th.). Sebagai contoh, amalan institusi negeri seperti Lembaga Zakat Selangor turut menunjukkan bahawa maklumat nisab emas dan perak lazimnya dikemaskinikan untuk kegunaan pembayar zakat secara awam (Lembaga Zakat Selangor, t.th.). Dalam masa yang sama, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan menyatakan bahawa pusat zakat boleh menggunakan purata harga emas tahun sebelumnya sebagai standard bagi tahun berikutnya demi keseragaman pentadbiran (Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, 2021). Terdapat juga amalan di negeri-negeri lain yang berbeza sesuai dengan pentadbiran agama Islam di negeri masing-masing (Lembaga Zakat Kedah, t.th.; MUIP, 2022).

Walaupun isu perubahan harga emas sering dibincangkan, masalah utama yang mendasari kajian ini bukanlah semata-mata volatiliti harga emas global, sebaliknya ketiadaan satu kerangka tatakelola yang seragam dan komprehensif dalam kalangan institusi zakat di Malaysia berhubung penentuan nilai nisab. Ketidadaan kerangka yang jelas ini telah menyebabkan ketidakseragaman metodologi antara negeri, di mana setiap institusi mungkin menggunakan sumber harga, tempoh purata, dan peratusan ketulenan emas yang berbeza. Kepelbagaian amalan tanpa satu garis panduan tatakelola yang standard ini bukan sahaja berpotensi mencetuskan kekeliruan dalam kalangan masyarakat awam, malah mendedahkan sistem pengurusan zakat kepada risiko arbitraj zakat, iaitu situasi di mana pembayar zakat memilih untuk menunaikan zakat di negeri yang menawarkan kadar nisab yang lebih rendah. Oleh itu, wujud keperluan mendesak untuk menstrukturkan isu ini sebagai satu kelompangan tatakelola yang memerlukan penyelesaian berasaskan kerangka ijtihad pentadbiran yang kukuh.

Oleh itu, kajian ini bertujuan membangunkan kerangka akademik bagi memahami ijtihad pentadbiran dalam penetapan nisab zakat harta berasaskan emas. Tumpuan diberikan kepada tiga persoalan. Pertama, apakah asas fiqh yang membezakan nisab syarak daripada mekanisme penilaian semasa? Kedua, bagaimanakah volatiliti harga emas global mempengaruhi keperluan model pentadbiran nisab yang stabil? Ketiga, apakah prinsip tatakelola yang perlu memandu institusi zakat dalam mengumumkan, menyemak dan menjelaskan kadar nisab kepada masyarakat?

Sorotan Literatur

Perbincangan literatur tentang nisab zakat emas lazimnya bergerak dalam tiga aliran utama. Aliran pertama ialah literatur fiqh yang menumpukan asas nas, ijmak dan pandangan mazhab tentang nisab emas dan perak. Aliran kedua ialah literatur ekonomi yang membahaskan harga emas, fungsi emas sebagai aset lindung nilai, hubungan emas dengan inflasi, kadar faedah, dolar Amerika Syarikat, risiko geopolitik dan permintaan institusi. Aliran ketiga ialah literatur tatakelola zakat yang meneliti kecekapan institusi, ketelusan, keyakinan awam dan penyelarasan amalan antara negeri.

Literatur fiqh klasik memperkukuh asas bahawa perbahasan nisab tidak boleh dipisahkan daripada tradisi mazhab dan ijmak. Dalam mazhab Shāfi'ī, karya seperti al-Majmū', al-Muhadhdhab, al-Hāwī al-Kabīr, Mughnī al-Muhtāj, Tuḥfat al-Muhtāj dan Nihāyat al-Muhtāj

menjadi rujukan penting untuk memahami struktur zakat emas, perak dan harta berkembang (Al-Khaṭīb al-Shirbīnī, 1994; Al-Mawardi, 1999; Al-Nawawī, 1344; Al-Qarāfī, t.th.; Al-Ramlī, 1984; Al-Shātibī, 1417; Al-Shīrāzī, t.th.; Al-Suyūṭī, 1990; Al-Zarkashī, 1985; Ibn al-Mundhir, 2004; Ibn Ashur, t.th.; Ibn Hajar al-Haytamī, 1983; Ibn Nujaym, 1999). Dalam perbahasan ijma, Ibn al-Mundhir turut menjadi rujukan penting kerana beliau menghimpunkan isu-isu kesepakatan fuqaha dalam bab ibadat dan muamalat, termasuk zakat (Ibn al-Mundhir, 2004). Dengan itu, artikel ini meletakkan nisab emas bukan sebagai keputusan pentadbiran moden semata-mata, tetapi sebagai kesinambungan disiplin fiqh yang telah dibahaskan secara sistematik dalam turath.

Dalam fiqh zakat, nisab emas dianggap sebagai kadar tetap yang berasal daripada nas dan ijma' fuqaha. Fatwa Jordan menegaskan bahawa nisab emas mempunyai asas syarak daripada hadis 20 dinar dan menukikan ijma' ulama (Dār al-Iftā' Jordan, 2010). Selain itu, menurut kebanyakan ulama kontemporari, satu dinar sebagai 4.25 gram, lalu 20 dinar bersamaan 85 gram emas (Al-Zuhayli, t.th.). Ini penting kerana ia menunjukkan bahawa perbincangan moden tentang 85 gram bukan ciptaan institusi pentadbiran, tetapi usaha menukikan ukuran klasik kepada sistem metrik kontemporari. Dalam konteks mazhab Shāfi'ī, al-Nawawī menjelaskan bahawa 20 mithqal ialah ukuran nisab emas menurut mazhab tersebut (Al-Nawawī, 2005; Al-Nawawī, 1344). Hal ini penting bagi Malaysia kerana ekosistem fatwa dan amalan hukum Islam di negara ini, secara tradisinya, sangat dipengaruhi oleh mazhab Shāfi'ī. Dalam memperluas wacana fiqh perbandingan (fiqh al-muqāran), pendekatan Mazhab Hanafi yang membenarkan pembayaran zakat melalui nilai (qimah) harta berbanding bentuk fizikalnya turut memberikan justifikasi tambahan terhadap fleksibiliti ijtihad dalam pentadbiran moden. Pendekatan ini lebih mengutamakan objektif pemenuhan keperluan asnaf (anfa' li al-fuqarā'), yang selari dengan penetapan nisab berasaskan nilai pasaran semasa emas (Al-Zuhayli, t.th.). Terdapat pendapat lain dalam isu memilih antara emas dan perak sebagai asas penilaian zakat harta. IslamWeb, misalnya, menyatakan bahawa nisab harta bagi barang dagangan dan wang kertas ialah nilai yang bersamaan kira-kira 85 gram emas tulen atau 595 gram perak tulen, iaitu, apabila harta mencapai salah satu daripada dua nisab tersebut, zakat menjadi wajib (IslamWeb, 2010). Ini menunjukkan kewujudan ruang fiqh muqāran dalam menentukan sama ada emas, perak atau gabungan kedua-duanya lebih sesuai digunakan dalam konteks tertentu. Dinyatakan bahawa:

فَنَصَابُ الْمَالِ الَّذِي تَجِبُ فِيهِ الزَّكَاةُ مِنْ عُرُوضِ الْجَارَةِ أَوْ الْأَوْرَاقِ النَّقْدِيَّةِ هُوَ مَا يُسَاوِي خَمْسَةَ وَثَمَانِينَ، غَرَامًا مِنَ الذَّهَبِ الْخَالِصِ تَقْرِيْبًا، أَوْ مَا يُسَاوِي خَمْسِمِائَةٍ وَخَمْسَةَ وَتِسْعِينَ غَرَامًا مِنَ الْفِضَّةِ الْخَالِصَةِ تَقْرِيْبًا، وَهِيَ خُمْسُ أَوَاقٍ مِنَ الْفِضَّةِ، فَإِذَا بَلَغَ الْمَالُ أَحَدَ هَذَيْنِ الْوَصَائِيْنِ وَجَبَتْ زَكَاةُهُ

“Nisab harta yang mewajibkan zakat bagi barang dagangan atau wang kertas ialah nilai yang bersamaan kira-kira 85 gram emas tulen, atau nilai yang bersamaan kira-kira 595 gram perak tulen, iaitu lima awqiyah perak. Apabila harta mencapai salah satu daripada dua nisab ini, zakatnya menjadi wajib.”

Secara kritikalnya, wacana sedia ada sering kali terpisah antara disiplin; literatur fiqh cenderung bersifat statik dengan menumpukan kepada perbahasan hukum klasik tanpa mengambil kira dinamik pasaran moden, manakala literatur ekonomi pula terlalu menumpukan kepada analisis kuantitatif tanpa mengaitkannya dengan kerangka maqasid syariah. Kajian ini cuba merapatkan jurang tersebut dengan mensintesis keteguhan nas fiqh dengan realiti volatiliti ekonomi.

Daripada sudut wang moden, Resolusi Akademi Fiqh Islam Antarabangsa memberi asas penting bahawa wang kertas mempunyai sifat thamaniyyah. Resolusi ini membolehkan wang fiat diqiyaskan dari sudut hukum zakat kepada emas dan perak, walaupun wang kertas tidak mempunyai nilai intrinsik seperti emas (International Islamic Fiqh Academy, 1986). Oleh itu, isu zakat wang moden tidak boleh dilihat semata-mata sebagai isu nilai bahan fizikal wang, tetapi sebagai isu fungsi harta sebagai medium nilai, pertukaran dan simpanan (Baharudin, 2023). Dalam dimensi ekonomi, harga emas tidak lagi boleh dianggap sebagai pemboleh ubah tempatan. World Gold Council menyediakan data harga emas dalam pelbagai frekuensi, termasuk bulanan, suku tahunan dan tahunan, serta menegaskan kewujudan harga spot, LBMA Gold Price dan harga serantau yang berfungsi dalam pasaran emas global (World Gold Council, 2026). Laporan pasaran emas semasa turut menunjukkan bahawa harga emas dipengaruhi oleh kadar faedah, risiko geopolitik, permintaan bank pusat dan sentimen pelabur, justeru penggunaan harga tunggal tanpa mekanisme semakan boleh menimbulkan ketidakstabilan pentadbiran (World Gold Council, 2024). LBMA pula menjelaskan bahawa LBMA Gold Price ditadbir secara bebas oleh ICE Benchmark Administration, menggunakan platform elektronik, boleh diaudit dan selaras dengan prinsip penanda aras kewangan IOSCO (London Bullion Market Association, t.th.). Peranan LBMA sebagai ekosistem standard pasaran emas antarabangsa menjadikan data dan metodologi penanda arasnya relevan sebagai rujukan institusi zakat yang memerlukan sumber harga yang telus dan boleh disemak (London Bullion Market Association, t.th.). Fakta ini menunjukkan bahawa institusi zakat mempunyai pilihan untuk menggunakan sumber harga global yang lebih telus dan boleh diaudit, tetapi pilihan tersebut perlu diterjemahkan ke dalam prosedur pentadbiran yang jelas.

Dalam bidang ekonomi Islam dan kewangan sosial Islam, karya al-Qaradāwī, Kahf, Chapra, Obaidullah dan Ahmed menegaskan bahawa zakat bukan sahaja kewajipan ibadat, tetapi instrumen agihan semula kekayaan, perlindungan sosial dan kestabilan ekonomi (Ahmad, 1992; Ahmed, 2004; Al-Qaradawi, 1973; Kahf, 1999; Obaidullah, 2008). Oleh sebab itu, pemilihan formula penilaian nisab perlu dinilai bukan hanya berdasarkan ketepatan aritmetik, tetapi juga berdasarkan kesan sosioekonomi, keyakinan awam dan keupayaan institusi untuk menjelaskan rasional polisi secara telus. Standard AAOIFI berkaitan zakat turut memperlihatkan usaha standardisasi fiqh kewangan Islam kontemporari bagi memastikan aplikasi zakat dalam institusi moden dilakukan secara tersusun dan boleh diaudit (Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions, n.d.). Dalam dimensi tata kelola, isu utama bukan sekadar berapa nilai nisab pada sesuatu tarikh, tetapi bagaimana nilai itu dipilih, diumumkan, disemak dan dijelaskan kepada pembayar zakat. Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan menyatakan bahawa Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan mengambil kira nilai purata tahun sebelumnya sebagai standard nilai nisab bagi tahun berikutnya, manakala turun naik harga emas sepanjang tahun semasa tidak diambil kira bagi tujuan keseragaman (Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, 2021). Pandangan ini menunjukkan bahawa penggunaan purata harga bukan penyimpangan daripada nas, tetapi kaedah pentadbiran bagi mengurus ketidakstabilan harga. Selain itu, kerangka ijhtihad pentadbiran perlulah disokong oleh literatur usul dan kaedah hukum yang luas. Al-Suyūṭī, al-Zarkashī, Ibn Nujaym dan al-Qarāfī membahaskan kaedah-kaedah seperti maslahah, sadd al-dharā'ī, raf' al-ḥaraj dan pertimbangan adat yang relevan dalam pentadbiran hukum pada masa kini (Al-Qarāfī, t.th.; Al-Suyūṭī, 1990; Al-Zarkashī, 1985; Ibn Nujaym, 1999). Al-Shāṭibī dan Ibn 'Āshūr pula memberi asas maqāṣid bahawa pelaksanaan hukum perlu memelihara agama, harta dan keadilan sosial; justeru, formula pentadbiran nisab perlu dinilai dari sudut kesannya terhadap muzakki dan asnaf (Al-Shāṭibī, 1417; Ibn 'Āshūr, t.th.).

Kajian kontemporari tentang zakat dan tatakelola juga menunjukkan bahawa keberkesanan institusi zakat bergantung kepada kecekapan, ketelusan, akauntabiliti, kualiti perkhidmatan dan tahap kepercayaan pembayar zakat. Kajian Wahab dan Rahman membina kerangka analisis kecekapan dan tatakelola institusi zakat di Malaysia, manakala kajian lanjut mereka menilai pertumbuhan produktiviti institusi zakat melalui pendekatan data envelopment analysis (Wahab & Rahim Abdul Rahman, 2011, 2012) (Wahab & Rahim Abdul Rahman, 2011, 2012). Kajian Mustafa, Muslim dan Adnan menunjukkan bahawa kepercayaan pembayar zakat merupakan faktor penting dalam sektor zakat yang sedang berkembang, manakala Wahab, Zainol dan Bakar menekankan keperluan indeks kualiti perkhidmatan bagi institusi zakat (Abd. Wahab et al., 2017; Oladimeji Abioye Mustafa et al., 2013). Tinjauan literatur Adiwijaya dan Suprianto merumuskan bahawa tatakelola zakat yang baik berkait dengan kriteria agihan, kecekapan dan pelaporan kewangan (Zainal Alim Adiwijaya, 2020). Kajian sistematik terkini oleh Saidon, Shanmugam dan Osman pula mengelompokkan penyelidikan pengurusan zakat Malaysia kepada kualiti dan kecekapan, amalan pengurusan serta mekanisme pelaporan (Saidon et al., 2024). Jadual 1 berikut merumuskan dimensi literatur, fokus utama dan implikasi terhadap kajian.

Jadual 1: Dimensi Literatur, Fokus Utama dan Implikasi terhadap Kajian

Dimensi Literatur	Fokus Utama	Implikasi Kepada Artikel
Fiqh nisab	20 dinar, 20 mithqal, 85 gram emas, ijmak ulama dan pandangan mazhab Shāfi'ī	Menetapkan bahawa nisab ialah kadar syarak yang tidak boleh diubah secara sewenang-wenangnya.
Fiqh wang moden	Wang kertas sebagai thamaniyyah dan tertakluk kepada hukum emas serta perak	Membolehkan zakat wang moden dinilai berdasarkan nisab emas atau perak.
Fatwa antarabangsa	Variasi antara emas, perak, karat dan model penilaian semasa	Menunjukkan ruang ijtihad dalam memilih mekanisme penilaian.
Ekonomi emas	Harga spot, LBMA Gold Price, purata harga dan volatiliti pasaran	Menjustifikasikan keperluan formula pentadbiran yang stabil dan boleh diaudit.
Tatakelola zakat	Ketelusan, standard pendedahan, semakan berkala dan komunikasi awam	Menuntut institusi zakat menerbitkan sumber harga, formula dan justifikasi syariah.

Sorotan literatur di atas menunjukkan wujudnya satu jurang penting dalam kajian semasa. Literatur fiqh secara umumnya telah membahaskan asas pensyariatan nisab, termasuk sandaran kepada emas, perak, ijmak ulama dan perbahasan mazhab. Dalam masa yang sama, literatur ekonomi pula banyak menumpukan kepada isu turun naik harga emas, mekanisme harga spot, penentuan harga rujukan dan volatiliti pasaran global. Namun begitu, hubungan antara asas fiqh nisab dengan realiti ekonomi emas moden masih belum diterjemahkan secara mencukupi ke dalam satu model tatakelola institusi zakat yang jelas, stabil dan boleh dipertanggungjawabkan. Justeru, artikel ini mencadangkan satu pendekatan integratif yang menggabungkan dimensi fiqh, ekonomi dan tatakelola dalam kerangka ijtihad pentadbiran. Pendekatan ini tidak bertujuan mengubah kadar nisab yang telah ditetapkan oleh syarak, sebaliknya menumpukan kepada kaedah pentadbiran dalam menentukan sumber harga, tempoh penilaian, formula pengiraan, proses semakan dan kaedah pendedahan awam. Dengan itu, penilaian nisab dapat

dilaksanakan secara lebih telus, konsisten dan responsif terhadap perubahan ekonomi semasa tanpa menjejaskan prinsip asas syariah.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berasaskan analisis dokumen. Pendekatan ini sesuai kerana objektif artikel bukan untuk menguji hipotesis statistik, tetapi untuk membina kerangka konseptual dan normatif bagi penetapan nisab zakat harta berasaskan emas. Dokumen yang dianalisis meliputi sumber fiqh, fatwa rasmi, resolusi badan fiqh antarabangsa, panduan institusi zakat, data harga emas dan statistik nisab zakat harta di Malaysia.

Analisis dijalankan melalui tiga peringkat. Peringkat pertama ialah analisis fiqh, iaitu mengenal pasti nas, ijmak, pandangan mazhab Shāfi'ī dan qawā'id fiqhiyyah yang berkaitan dengan nisab emas. Peringkat kedua ialah analisis ekonomi, iaitu menilai bagaimana harga emas global dan sumber harga rujukan mempengaruhi nilai nisab dalam mata wang semasa. Peringkat ketiga ialah analisis tatakelola, iaitu menilai bagaimana institusi zakat boleh menetapkan formula nisab secara telus, stabil dan boleh dipertanggungjawabkan. Dari segi kaedah analisis, artikel ini menggunakan pendekatan tematik. Tema-tema utama yang dibina ialah ketetapan nisab syarak, ruang ijtihad pentadbiran, volatiliti harga emas, standard pendedahan, masalah muzakki dan asnaf, serta model ambang hibrid. Setiap tema dianalisis melalui triangulasi antara sumber fiqh, fatwa kontemporari dan data institusi. Jadual 2 merumuskan komponen metodologi bagi pembinaan kerangka ijtihad pentadbiran.

Jadual 2: Komponen Metodologi bagi Pembinaan Kerangka Ijtihad Pentadbiran

Komponen Metodologi	Huraian
Reka bentuk kajian	Kualitatif, analisis dokumen dan pembinaan kerangka konseptual.
Unit analysis	Nas fiqh, fatwa, resolusi badan fiqh, sumber harga emas, dan amalan institusi zakat.
Pendekatan analisis	Analisis tematik dan analisis normatif fiqh.
Lensa teori	Qawā'id fiqhiyyah, maqāṣid al-sharī'ah, siyasah shar'iiyyah dan tata kelola Islam.
Output kajian	Kerangka ijtihad pentadbiran dan cadangan Model Ambang Hibrid.

Proses analisis tematik dalam kajian ini dilaksanakan melalui tiga fasa pengekodan utama (coding process). Pertama, pengekodan terbuka (open coding) dilakukan ke atas teks-teks fatwa, enakmen dan dokumen rasmi institusi zakat untuk mengenal pasti frasa-frasa yang berkaitan dengan 'harga emas', 'tempoh purata' dan 'keputusan jawatankuasa'. Kedua, pengekodan paksi (axial coding) digunakan untuk mengelompokkan kod-kod awal ini ke dalam kategori yang lebih luas seperti 'mekanisme penilaian' dan 'cabaran tata kelola'. Ketiga, pengekodan terpilih (selective coding) diaplikasikan untuk membentuk tiga tema utama kajian iaitu: (i) parameter fiqh dalam nisab, (ii) impak volatiliti ekonomi, dan (iii) kerangka tatakelola institusi.

Batasan kajian ini ialah artikel tidak menjalankan pemodelan ekonometrik terhadap siri masa harga emas secara langsung. Walau bagaimanapun, ia menggunakan sumber harga emas yang diiktiraf seperti World Gold Council dan LBMA sebagai asas konseptual untuk membahaskan keperluan sumber harga yang telus dan boleh diaudit (London Bullion Market Association, t.th.; World Gold Council, 2026). Kajian ini juga tidak bertujuan menyeragamkan fatwa antara

negeri, sebaliknya mencadangkan prinsip tatakelola yang boleh menghormati bidang kuasa negeri sambil meningkatkan ketelusan dan kebolehdajangan pentadbiran.

Kerangka Teori: Ijtihad Pentadbiran Dalam Penetapan Nisab

Konsep ijtihad pentadbiran dalam artikel ini merujuk kepada usaha institusi berautoriti untuk memilih mekanisme teknikal bagi melaksanakan hukum syarak dalam realiti semasa tanpa mengubah asas hukum yang tetap. Dalam konteks nisab zakat emas, syarak menetapkan asas nisab melalui kadar emas, manakala institusi zakat perlu menentukan bagaimana kadar itu diterjemahkan kepada nilai mata wang semasa. Justeru, ijtihad pentadbiran tidak bermaksud mencipta nisab baharu, tetapi menentukan kaedah operasi yang paling sahih, stabil dan maslahah.

Perbezaan antara thawābit al-shar‘ dan mutaghayyirāt al-tadbīr menjadi asas teori artikel ini. Thawābit al-shar‘ merujuk kepada perkara yang tetap berdasarkan nas dan ijmak, seperti kewajipan zakat, kadar zakat 2.5 peratus bagi harta tertentu, syarat haul dan asas nisab emas 20 dinar. Mutaghayyirāt al-tadbīr pula merujuk kepada perkara pentadbiran yang boleh berubah mengikut maslahat, seperti sumber harga emas, tempoh purata, tarikh semakan, formula pengumuman dan mekanisme semakan luar biasa. Jadual 3 merumuskan perbezaan antara thawābit al-shar‘ dan mutaghayyirāt al-tadbīr

Jadual 3: Pemisahan antara Thawābit al-Shar‘ dan Mutaghayyirāt al-Tadbīr dalam Penentuan Nisab Emas

Kategori	Contoh Dalam Isu Nisab Emas	Status Hukum Dan Pentadbiran
Thawābit al-shar‘	Nisab emas 20 dinar atau 20 mithqal; kewajipan zakat apabila cukup nisab dan haul	Tidak boleh diubah oleh institusi pentadbiran.
Mutaghayyirāt al-tadbīr	Penggunaan harga harian, purata tahunan, purata bergerak, koridor semakan dan sumber data harga	Boleh dipilih melalui ijtihad pentadbiran berdasarkan maslahah dan ketelusan.

Selain itu, aplikasi qawaid al-fiqhiyyah sangat selaras dengan ijtihad pentadbiran. Qawā‘id fiqhiyyah memberikan asas penting dalam membina kerangka tatakelola nisab zakat berasaskan emas. Prinsip utama ialah kaedah “al-muqaddarāt al-shar‘iyyah lā majāla li al-ra‘yi fihā”, iaitu kadar-kadar yang telah ditetapkan oleh syarak tidak menjadi ruang bagi pendapat bebas. Kaedah ini menegaskan bahawa nisab emas, iaitu 20 dinar atau kira-kira 85 gram emas, tidak boleh diubah secara sewenang-wenangnya oleh institusi zakat. Namun, pemilihan formula penilaian seperti harga harian, purata bulanan atau purata tahunan bukanlah pengubahan terhadap kadar syarak, sebaliknya merupakan mekanisme pentadbiran bagi menterjemahkan kadar tersebut kepada nilai mata wang semasa. Dalam hal ini, kaedah “taṣarruf al-imām ‘alā al-ra‘iyyah manūṭ bi al-maṣlaḥah” memberi legitimasi kepada institusi zakat untuk memilih kaedah penentuan nisab yang paling menjaga maslahah awam. Maslahah tersebut merangkumi hak asnaf, kemudahan muzakki, kestabilan pengurusan dan kepercayaan masyarakat. Kaedah “al-mashaqqah tajlib al-taysīr” pula menyokong penggunaan mekanisme yang lebih stabil, seperti purata harga atau ambang semakan, sekiranya harga emas harian menyebabkan kekeliruan dan kesukaran pentadbiran.

Selain itu, kaedah “dar’ al-mafāsīd muqaddam ‘alā jalb al-maṣāliḥ” menuntut institusi zakat mengelakkan kerosakan seperti kekeliruan masyarakat, ketidaktelusan formula dan hilangnya

keyakinan awam. Oleh itu, sumber harga, ketulenan emas, formula pengiraan dan tempoh kuat kuasa perlu didedahkan dengan jelas. Akhirnya, kaedah “al-yaqīn lā yazūl bi al-shakk” menyokong keperluan kadar nisab rasmi yang diumumkan secara telus. Dengan adanya kadar rasmi yang jelas, muzakki mempunyai asas keyakinan dalam menentukan kewajipan zakat mereka. Justeru, penentuan nisab emas perlu mengekalkan asas syarak dan membezakan antara thawābit al-shar‘ dan mutaghayyirāt al-tadbīr. Oleh yang demikian, pelaksanaannya boleh diurus melalui ijtihad pentadbiran yang telus, stabil dan berasaskan maslahah.

Dapatan Dan Perbincangan

Nisab Emas sebagai Kadar Syarak yang Tetap

Dapatan pertama artikel ini ialah nisab emas perlu difahami sebagai kadar syarak yang tetap dari sudut asas. Hadis 20 dinar dan penerimaan fuqaha terhadap nisab emas menunjukkan bahawa asas zakat bukan bergantung pada nilai Ringgit Malaysia atau harga pasaran semasa, tetapi pada ukuran emas yang ditetapkan dalam tradisi fiqh. Fatwa Jordan secara jelas menyatakan bahawa nisab emas berasal daripada hadis 20 dinar, menukikan ijmak ulama dan menyatakan bahawa 85 gram ialah pilihan kebanyakan ulama kontemporari (Al-Zuhayli, t.th.).

Namun, ketetapan ini tidak bermaksud semua bentuk pengiraan moden adalah tetap. Apabila 20 dinar diterjemahkan kepada 85 gram, dan 85 gram diterjemahkan pula kepada Ringgit Malaysia, terdapat sekurang-kurangnya dua lapisan ijtihad. Lapisan pertama ialah ijtihad ilmiah dalam menganggarkan berat dinar klasik. Lapisan kedua ialah ijtihad pentadbiran dalam menentukan sumber harga dan tempoh penilaian. Artikel ini menumpukan lapisan kedua kerana ia paling relevan dengan institusi zakat kontemporari.

Jadual 4: Hierarki Penentuan Nisab Emas dalam Kerangka Ijtihad Pentadbiran

Lapisan	Soalan Utama	Sifat Keputusan
Nas dan ijmak	Apakah asas nisab emas dalam syarak?	Tetap: 20 dinar atau 20 mithqal.
Terjemahan metrik	Berapakah anggaran moden bagi 20 dinar?	Ijtihad ilmiah: lazimnya 85 gram emas.
Penilaian mata wang	Berapakah nilai 85 gram emas dalam Ringgit Malaysia?	Ijtihad pentadbiran: bergantung pada sumber harga dan formula.
Pengumuman institusi	Berapa lama kadar itu terpakai dan bila ia disemak?	Tatakelola memerlukan polisi, pendedahan dan komunikasi.

Jadual 4 menunjukkan bahawa penentuan nisab emas bukanlah satu proses tunggal, sebaliknya melibatkan beberapa lapisan keputusan yang berbeza dari sudut autoriti hukum dan pentadbiran. Pada lapisan pertama, asas nisab emas bersumberkan nas dan ijmak, iaitu 20 dinar atau 20 mithqal. Kadar ini bersifat tetap kerana ia merupakan ketetapan syarak yang tidak boleh diubah oleh institusi pentadbiran. Namun begitu, apabila kadar tersebut diterjemahkan ke dalam ukuran metrik moden, wujud ruang ijtihad ilmiah bagi menentukan padanan semasa, yang lazimnya dirumuskan sebagai 85 gram emas.

Seterusnya, apabila nilai 85 gram emas hendak ditukar kepada mata wang semasa seperti Ringgit Malaysia, keputusan tersebut memasuki ruang ijtihad pentadbiran. Hal ini kerana nilai wang berubah mengikut harga emas semasa, sumber data harga, kaedah purata dan formula yang digunakan oleh institusi zakat. Oleh itu, aspek yang perlu diberi perhatian bukan lagi perubahan terhadap kadar nisab syarak, tetapi kaedah pentadbiran dalam menilai dan

mengumumkan nilainya. Lapisan terakhir pula menuntut tatakelola institusi yang jelas, termasuk tempoh kuat kuasa kadar nisab, kekerapan semakan, sumber harga yang digunakan, formula pengiraan dan kaedah komunikasi kepada masyarakat. Dengan demikian, jadual ini memperlihatkan keperluan membezakan antara ketetapan syarak yang bersifat tetap dengan mekanisme pentadbiran yang bersifat fleksibel dan tertakluk kepada prinsip ketelusan serta masalah.

Oleh itu, institusi zakat perlu menjelaskan kepada masyarakat bahawa perubahan nilai Ringgit bagi nisab bukan perubahan nisab syarak. Ia hanyalah perubahan nilai pentadbiran akibat harga emas yang berubah. Penjelasan ini penting untuk mengelakkan persepsi bahawa institusi zakat menaikkan atau menurunkan kewajipan agama secara sewenang-wenangnya.

Wang Moden, Thamaniyyah dan Hubungan dengan Emas

Dapatan kedua ialah kewajipan menilai wang moden melalui nisab emas atau perak berpunca daripada fungsi wang sebagai thamaniyyah. Resolusi International Islamic Fiqh Academy memberikan asas kontemporari yang kuat bahawa wang kertas mempunyai sifat nilai tukaran secara sempurna dan menerima hukum emas serta perak dari sudut zakat (International Islamic Fiqh Academy, 1986). Ini bermaksud wang simpanan, pendapatan dan aset kewangan moden boleh dikenakan zakat apabila mencapai nilai nisab yang ditentukan melalui emas atau perak.

Dari sudut fiqh, ini merupakan aplikasi qiyās berdasarkan fungsi, bukan berdasarkan zat. Wang kertas tidak sama zatnya dengan emas, tetapi ia mengambil fungsi emas sebagai alat nilai dan alat tukar. Oleh itu, kaedah fiqh yang menyatakan bahawa hukum beredar bersama 'illahnya dapat digunakan untuk memahami perkara ini. Qawaid fiqhiyyah menyebutkan bahawa, "Hukum beredar bersama 'illahnya, sama ada 'illah itu wujud atau tiada" (Al-Suyūfī, 1990). Oleh yang demikian, 'illah zakat wang moden bukan kerana kertasnya, tetapi kerana nilai, pemilikan, potensi pertumbuhan dan fungsi pertukaran. Oleh itu, apabila wang moden mencapai nilai nisab dan cukup syarat lain seperti milik sempurna dan haul, kewajipan zakat berlaku. Namun, persoalan yang kekal ialah sama ada nilai nisab itu patut ditentukan berdasarkan emas, perak atau gabungan kedua-duanya. IslamWeb menunjukkan bahawa kedua-dua ukuran, iaitu 85 gram emas dan 595 gram perak, boleh menjadi rujukan bagi wang kertas dan barang dagangan (IslamWeb, 2010).

Dalam konteks Malaysia, penggunaan emas sebagai rujukan utama lebih stabil berbanding perak kerana jurang nilai emas dan perak masa kini sangat besar. Namun, artikel ini tidak menolak nisab perak secara fiqh. Sebaliknya, nisab perak boleh digunakan sebagai analisis sensitiviti dasar, khususnya untuk menilai kesan peluasan kewajipan zakat terhadap bilangan muzakki, jumlah kutipan dan agihan kepada asnaf. Dalam kerangka ijtihad pentadbiran, institusi boleh memilih emas sebagai nisab rasmi sambil menilai perak sebagai senario dasar.

Volatiliti Harga Emas dan Risiko Pemindahan Volatiliti kepada Taklif Zakat

Dapatan ketiga ialah volatiliti harga emas global boleh memindahkan ketidakstabilan pasaran kewangan kepada ambang kewajipan zakat jika institusi menggunakan harga harian secara langsung tanpa mekanisme penstabilan. World Gold Council menyatakan bahawa harga emas mempunyai harga spot, LBMA Gold Price dan harga serantau, serta menyediakan purata harga dalam frekuensi bulanan, suku tahunan dan tahunan (World Gold Council, 2026). LBMA pula menegaskan bahawa LBMA Gold Price ditadbir secara bebas, menggunakan platform elektronik, boleh diaudit dan selaras dengan prinsip penanda aras kewangan (London Bullion Market Association, t.th.).

Kewujudan pelbagai sumber harga ini memberi dua implikasi. Pertama, institusi zakat perlu memilih sumber harga yang telus dan boleh diaudit. Kedua, institusi perlu menentukan sama ada harga tersebut digunakan sebagai harga harian, purata bulanan, purata tahunan atau purata bergerak. Tanpa keputusan metodologi yang jelas, kadar nisab boleh menjadi tidak konsisten walaupun semua pihak mendakwa merujuk kepada emas. Jadual 5 menunjukkan tipologi amalan negeri dalam penentuan nisab zakat berdasarkan emas.

Jadual 5: Tipologi Amalan Negeri dalam Penentuan Nisab Zakat Berdasarkan Emas

Pendekatan	Ciri Utama	Contoh Negeri	Implikasi Tatakelola
Model harga semasa 85 gram emas	Nisab ditentukan berdasarkan nilai semasa 85 gram emas dan berubah mengikut harga emas semasa.	Johor, Pahang (MAINJ, t.th.; MUIP, 2022)	Lebih hampir kepada harga pasaran semasa, tetapi lebih terdedah kepada volatiliti harga emas.
Model purata harga emas tahun sebelumnya	Harga emas tahun sebelumnya dipuratakan dan digunakan sebagai standard nisab bagi tahun berikutnya.	Wilayah Persekutuan (Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, 2021)	Memberikan kestabilan, keseragaman dan kebolehjangkaan kepada pembayar zakat.
Model kadar nisab semasa bulanan	Nisab ditentukan berdasarkan kadar semasa pada bulan tertentu, seperti bulan Februari.	Perak (MAIPk, 2026)	Mengambil kira perubahan harga semasa, tetapi masih memerlukan penjelasan tentang tarikh dan sumber harga yang digunakan.
Model kadar akhir tahun sebelumnya	Nisab tahun semasa menggunakan kadar akhir tahun sebelumnya, seperti kadar pada bulan Disember.	Pahang, Perak (MAIPk, 2026; MUIP, 2022)	Menyediakan asas pentadbiran yang mudah dan stabil, tetapi mungkin kurang mencerminkan perubahan harga emas terkini.
Model semakan berkala separuh tahun	Nisab disemak lebih daripada sekali setahun bagi menyesuaikan perubahan harga emas.	Selangor (Lembaga Zakat Selangor, t.th.)	Mengimbangi antara kestabilan pentadbiran dan respons terhadap perubahan pasaran.
Model nisab taqdiri	Nisab ditentukan secara anggaran atau taqdiri bagi tujuan kestabilan dan keseragaman pentadbiran.	Kedah (Lembaga Zakat Kedah, t.th.)	Menunjukkan ruang ijtihad pentadbiran dalam menetapkan kadar yang praktikal dan mudah dilaksanakan.
Model baki terendah sepanjang haul	Bagi instrumen tertentu seperti ASB/ASN, asas kiraan ialah baki terendah yang menyamai atau melebihi nisab sepanjang haul.	Pahang (MUIP, 2022)	Menunjukkan pendekatan yang lebih berhati-hati dan stabil kerana tidak bergantung sepenuhnya pada nilai puncak atau turun naik yang berlaku dalam sesaat.
Model kadar tahunan tetap	Kadar nisab diterbitkan mengikut tahun dan digunakan sebagai	Wilayah Persekutuan / Selangor	Memudahkan pentadbiran dan komunikasi awam, tetapi memerlukan semakan

rujukan rasmi sepanjang tempoh tersebut.	(Jabatan Mufti tahunan yang jelas dan Wilayah konsisten. Persekutuan, 2021; Lembaga Zakat Selangor, t.th.)
---	---

Jadual 5 menunjukkan bahawa penentuan nisab zakat berdasarkan emas di Malaysia tidak dilaksanakan melalui satu model pentadbiran yang seragam. Walaupun asas syarak nisab kekal pada 20 dinar atau kira-kira 85 gram emas, kaedah menterjemahkannya kepada nilai Ringgit Malaysia berbeza antara negeri. Perbezaan ini dapat dilihat melalui penggunaan harga semasa, purata harga tahun sebelumnya, kadar bulanan, kadar akhir tahun sebelumnya, semakan separuh tahun, nisab takdiri dan pendekatan baki terendah sepanjang haul bagi instrumen tertentu. Perbezaan amalan ini tidak semestinya menunjukkan percanggahan hukum. Sebaliknya, ia memperlihatkan ruang ijtihad pentadbiran yang wujud dalam pengurusan zakat moden. Johor dan Pahang, misalnya, lebih cenderung menggunakan pendekatan harga semasa bagi 85 gram emas. Pendekatan ini mempunyai kelebihan kerana lebih responsif kepada harga pasaran, namun ia juga lebih mudah terkesan oleh volatiliti emas. Selangor pula memperlihatkan model semakan berkala yang cuba mengimbangi antara kestabilan dan perubahan pasaran. Wilayah Persekutuan pula menunjukkan pendekatan yang lebih stabil melalui penggunaan purata harga emas tahun sebelumnya, manakala Kedah memperlihatkan pendekatan nisab taqdiri yang menekankan kestabilan pentadbiran.

Daripada sudut tata kelola, variasi antara negeri bukanlah masalah utama sekiranya setiap institusi zakat menjelaskan metodologi yang digunakan. Masalah sebenar timbul apabila kadar nisab diumumkan tanpa penjelasan tentang sumber harga, ketulenan emas, tempoh penilaian, formula pengiraan dan kekerapan semakan. Oleh itu, kepelbagaian negeri perlu diurus melalui standard pendedahan yang lebih jelas, bukan semestinya melalui penyeragaman mutlak. Dengan cara ini, bidang kuasa negeri tetap dihormati, sementara ketelusan, kebolehtindakan dan keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat dapat diperkukuh. Jadual ini juga menyokong cadangan Model Ambang Hibrid. Model tersebut boleh mengambil kekuatan pendekatan sedia ada di negeri-negeri, iaitu kestabilan purata tahunan seperti Wilayah Persekutuan, semakan berkala seperti Selangor, keanjalan pentadbiran seperti Kedah, dan sensitiviti harga semasa seperti Johor dan Pahang. Gabungan ini membolehkan nisab dikira dengan lebih stabil dan telus tanpa mengubah asas syarak, iaitu 85 gram emas. Oleh itu, pendekatan yang dicadangkan bukan bertujuan menggantikan nas atau fatwa negeri, tetapi menyediakan kerangka tata kelola yang lebih sistematik untuk membantu institusi zakat menjelaskan dan mempertahankan keputusan pentadbiran mereka.

Tatakelola Institusi Zakat dan Standard Pendedahan

Dapatan keempat ialah ketelusan metodologi penetapan nisab perlu dianggap sebagai sebahagian daripada amanah syariah. JAWHAR menyediakan statistik kadar nisab zakat harta di Malaysia berdasarkan sumber MAIN dan menyatakan nilai tersebut dalam Ringgit Malaysia (JAWHAR, t.th.). Walau bagaimanapun, data kadar sahaja belum memadai untuk menjawab persoalan metodologi. Masyarakat memerlukan penjelasan tentang sumber harga, tahap ketulenan emas, formula purata, tempoh kuat kuasa dan tarikh semakan. Artikel ini mencadangkan enam elemen standard pendedahan yang wajar diterbitkan oleh institusi zakat apabila mengumumkan kadar nisab, seperti dipaparkan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Elemen Ketelusan dalam Tatakelola Penentuan Nisab Zakat Emas

Elemen pendedahan	Huraian	Kepentingan tatakelola
Sumber harga	Contohnya LBMA, World Gold Council, harga pasaran tempatan atau sumber rasmi negeri	Memastikan kadar boleh dijejak dan diaudit.
Ketulenan emas	24K/999, 22K/916, 21K/875 atau asas kandungan emas tulen	Mengelakkan kekeliruan antara berat kasar dan kandungan emas tulen.
Formula pengiraan	Harga harian, purata bulanan, purata tahunan atau purata bergerak	Membolehkan masyarakat memahami sebab perbezaan kadar.
Tempoh kuat kuasa	Harian, bulanan, suku tahunan, enam bulan atau tahunan	Memberi kepastian kepada muzakki.
Mekanisme semakan	Semakan berkala atau semakan luar biasa apabila harga keluar daripada koridor	Menjamin kadar tidak terlalu ketinggalan daripada realiti pasaran.
Nota justifikasi syariah	Ringkasan nas, qawā'id dan masalah	Menghubungkan keputusan pentadbiran dengan legitimasi fiqh.

Jadual 6 mencadangkan enam elemen pendedahan yang wajar diterbitkan oleh institusi zakat apabila mengumumkan kadar nisab zakat berasaskan emas. Cadangan ini penting kerana kadar nisab yang diumumkan kepada masyarakat bukan sekadar angka pentadbiran, tetapi merupakan hasil terjemahan daripada nisab syarak kepada nilai mata wang semasa. Oleh itu, masyarakat perlu mengetahui bagaimana angka tersebut dibentuk, apakah sumber harga yang digunakan, apakah ketulenan emas yang dirujuk, dan berapa lama kadar tersebut berkuat kuasa.

- Elemen pertama ialah sumber harga. Institusi zakat perlu menjelaskan sama ada kadar nisab ditentukan berdasarkan harga rujukan antarabangsa seperti LBMA dan World Gold Council, harga pasaran tempatan, atau sumber rasmi yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri. Pendedahan ini penting kerana sumber harga yang berbeza boleh menghasilkan kadar nisab yang berbeza. Tanpa maklumat ini, masyarakat mungkin menganggap perbezaan kadar antara negeri sebagai percanggahan hukum, sedangkan ia mungkin berpunca daripada perbezaan sumber data dan kaedah penilaian.
- Elemen kedua ialah ketulenan emas. Hal ini penting kerana emas 24K/999, 22K/916 dan 21K/875 mempunyai kandungan emas tulen yang berbeza. Jika institusi zakat hanya menyatakan kadar nisab berdasarkan “85 gram emas” tanpa menjelaskan ketulennannya, kekeliruan boleh berlaku antara berat kasar emas dan kandungan emas tulen. Oleh itu, pendedahan tentang ketulenan emas membantu memastikan pengiraan nisab lebih tepat dan boleh dipertanggungjawabkan.
- Elemen ketiga ialah formula pengiraan. Institusi zakat perlu menjelaskan sama ada kadar nisab dikira berdasarkan harga harian, purata bulanan, purata tahunan atau purata bergerak. Formula ini amat penting kerana harga emas bersifat tidak stabil dan boleh berubah dengan cepat. Penggunaan harga harian mungkin lebih mencerminkan pasaran semasa, tetapi lebih terdedah kepada volatiliti. Sebaliknya, penggunaan purata tahunan atau purata bergerak boleh memberikan kestabilan yang lebih tinggi. Justeru, pendedahan formula membolehkan masyarakat memahami rasional di sebalik kadar nisab yang diumumkan.

- iv. Elemen keempat ialah tempoh kuat kuasa kadar nisab. Sesebuah institusi zakat perlu menyatakan sama ada kadar tersebut digunakan secara harian, bulanan, suku tahunan, enam bulan atau tahunan. Tempoh kuat kuasa yang jelas memberikan kepastian kepada muzakki, khususnya mereka yang ingin menentukan sama ada simpanan, pendapatan, perniagaan atau pelaburan mereka telah mencapai nisab. Tanpa tempoh kuat kuasa yang jelas, pembayar zakat mungkin keliru tentang kadar mana yang perlu digunakan pada waktu mereka membuat taksiran zakat.
- v. Elemen kelima ialah mekanisme semakan. Institusi zakat perlu menyatakan sama ada kadar nisab disemak secara berkala atau hanya disemak apabila berlaku perubahan luar biasa dalam harga emas. Mekanisme ini penting bagi memastikan kadar nisab tidak terlalu ketinggalan daripada realiti pasaran. Dalam masa yang sama, semakan yang terlalu kerap juga boleh menimbulkan ketidakpastian. Oleh itu, mekanisme semakan yang seimbang diperlukan bagi menjaga kestabilan pentadbiran dan keadilan kepada muzakki serta asnaf.
- vi. Elemen keenam ialah nota justifikasi syariah. Pengumuman kadar nisab sebaiknya disertakan dengan ringkasan asas syarak, termasuk nas, qawā'id fiqhiyyah, maqāsid al-sharī'ah dan pertimbangan masalah. Nota ini penting kerana keputusan menetapkan kadar nisab bukan hanya keputusan teknikal, tetapi juga keputusan pentadbiran yang mempunyai implikasi fiqh dan sosial. Dengan adanya justifikasi syariah, masyarakat dapat memahami bahawa perbezaan kaedah antara negeri masih berada dalam ruang ijtihad pentadbiran, selagi ia tidak mengubah asas nisab syarak.

Standard pendedahan ini tidak bertujuan menafikan bidang kuasa negeri dalam pentadbiran zakat. Sebaliknya, ia menghormati kuasa negeri sambil meningkatkan mutu keputusan pentadbiran. Negeri masih boleh memilih formula masing-masing berdasarkan keperluan, keadaan pasaran dan polisi institusi. Namun, formula tersebut perlu dinyatakan secara jelas supaya kadar nisab yang diumumkan dapat difahami, dijejak dan diaudit. Dengan cara ini, perbezaan kadar antara negeri tidak semestinya dilihat sebagai percanggahan hukum. Sebaliknya, ia boleh difahami sebagai variasi ijtihad pentadbiran yang mempunyai asas metodologi masing-masing. Apa yang lebih penting ialah setiap institusi zakat perlu menjelaskan kaedah yang digunakan secara telus. Ketelusan ini dapat mengukuhkan kepercayaan masyarakat, mengurangkan kekeliruan pembayar zakat dan memperkukuh legitimasi institusi zakat dalam menghadapi perubahan harga emas semasa.

Model Ambang Hibrid sebagai Cadangan Ijtihad Pentadbiran

Berdasarkan analisis fiqh, ekonomi dan tata kelola di atas, artikel ini mencadangkan Model Ambang Hibrid sebagai kerangka untuk menetapkan nisab zakat harta berasaskan emas. Model ini mengekalkan 85 gram emas sebagai asas syarak, tetapi tidak membenarkan harga harian mengawal kadar rasmi secara langsung setiap hari. Sebaliknya, satu kadar asas ditentukan melalui purata harga yang stabil, manakala semakan luar biasa hanya dibuat apabila perubahan harga melepasi ambang material tertentu. Model ini boleh dirumuskan seperti Jadual 7 berikut.

Jadual 7: Model Ambang Hibrid bagi Penentuan Nisab Zakat Harta Berasaskan Emas

Komponen Model Ambang Hibrid	Cadangan Operasi
Asas syarak	85 gram emas tulen sebagai terjemahan kontemporari bagi 20 dinar.
Sumber harga	Sumber rasmi yang telus dan boleh diaudit, seperti harga rujukan global atau sumber tempatan yang diluluskan institusi.

Kadar asas	Purata harga emas 12 bulan terakhir atau purata tahunan tahun sebelumnya.
Tempoh kuat kuasa	Satu tahun atau enam bulan, bergantung pada polisi institusi.
Koridor semakan	Contohnya, ± 10 peratus daripada kadar asas.
Syarat semakan luar biasa	Harga keluar daripada koridor untuk tempoh berterusan, seperti 15 atau 30 hari dagangan.
Pendedahan awam	Formula, sumber harga, tarikh kuat kuasa, tarikh semakan dan justifikasi syariah diterbitkan.

Berdasarkan analisis fiqh, ekonomi dan tatakelola di atas, artikel ini mencadangkan Model Ambang Hibrid sebagai kerangka penentuan nisab zakat harta berasaskan emas. Model ini mengekalkan 85 gram emas tulen sebagai asas syarak yang merujuk kepada 20 dinar. Oleh itu, model ini tidak mengubah kadar nisab yang telah diterima dalam tradisi fiqh. Perubahan hanya berlaku pada peringkat pentadbiran, iaitu bagaimana nilai 85 gram emas diterjemahkan kepada mata wang semasa seperti Ringgit Malaysia. Keistimewaan model ini ialah ia tidak membiarkan harga harian emas mengawal kadar nisab rasmi secara langsung setiap hari. Jika harga harian digunakan secara mutlak, kadar nisab akan menjadi terlalu berubah-ubah dan boleh menimbulkan ketidakpastian kepada muzakki. Sebaliknya, model ini mencadangkan supaya kadar asas ditentukan melalui kaedah yang lebih stabil, seperti purata harga emas bagi 12 bulan terakhir atau purata tahunan tahun sebelumnya. Kaedah ini membolehkan institusi zakat mengekalkan kestabilan pentadbiran tanpa memutuskan hubungan nisab dengan realiti harga emas semasa.

Pada masa yang sama, model ini tidak bersifat terlalu beku. Sekiranya berlaku perubahan harga emas yang besar dan berterusan, semakan luar biasa boleh dilakukan. Justeru, elemen koridor semakan diperkenalkan, contohnya ± 10 peratus daripada kadar asas. Jika harga emas keluar daripada koridor tersebut untuk tempoh tertentu, seperti 15 atau 30 hari dagangan secara berterusan, institusi zakat boleh menilai semula kadar nisab rasmi. Dengan cara ini, model ini dapat mengimbangi antara kestabilan dan respons terhadap perubahan pasaran. Daripada sudut fiqh, Model Ambang Hibrid selaras dengan kaedah taṣarruf al-imām manūṭ bi al-maṣlaḥah, iaitu tindakan pihak berautoriti hendaklah terikat dengan masalah masyarakat. Institusi zakat sebagai pihak pentadbir tidak mengubah hukum asal nisab, tetapi memilih mekanisme pentadbiran yang lebih membawa kemaslahatan. Pemilihan purata harga, tempoh kuat kuasa, koridor semakan dan mekanisme semakan luar biasa adalah sebahagian daripada ijtihad pentadbiran yang bertujuan menjaga kejelasan, keadilan dan keyakinan awam.

Sebagai simulasi deskriptif yang mudah untuk menyokong Model Ambang Hibrid ini, kita boleh mengambil senario hipotesis berdasarkan data harga emas pada tahun 2023. Jika harga emas melonjak 20% dalam tempoh sebulan akibat krisis global, penggunaan harga harian (spot price) akan menyebabkan nisab meningkat secara mendadak, sekali gus mengecualikan ramai pembayar zakat marginal (borderline muzakki). Sebaliknya, dengan menggunakan Model Ambang Hibrid yang mengaplikasikan purata bergerak (moving average) 6 hingga 12 bulan, lonjakan 20% tersebut akan diratakan, menghasilkan peningkatan nisab yang lebih stabil dan munasabah (contohnya hanya 5-8%). Simulasi ringkas ini menunjukkan bagaimana model ini mampu melindungi masalah asnaf daripada kehilangan dana zakat akibat kejutan pasaran jangka pendek.

Daripada sudut maqāṣid al-sharī'ah, model ini menyeimbangkan dua kepentingan utama, iaitu hak asnaf dan kemudahan muzakki. Jika kadar nisab terlalu tinggi akibat lonjakan harga emas,

sebahagian individu yang sepatutnya tergolong sebagai muzakki mungkin terkeluar daripada kewajipan zakat. Sebaliknya, jika kadar nisab terlalu rendah akibat kejatuhan harga sementara, individu yang sebenarnya belum mempunyai lebih kekayaan yang stabil mungkin terbeban. Oleh itu, penggunaan kadar purata dan koridor semakan membantu memastikan nisab tidak terlalu terdedah kepada kejutan pasaran yang bersifat sementara. Daripada sudut ekonomi, model ini mengelakkan pemindahan volatiliti harian pasaran emas secara langsung kepada kewajipan zakat. Harga emas boleh berubah disebabkan faktor antarabangsa seperti kadar faedah, inflasi, permintaan bank pusat, ketegangan geopolitik, kadar tukaran mata wang dan sentimen pelabur. Sekiranya semua perubahan ini terus dipindahkan kepada kadar nisab harian, pentadbiran zakat akan menjadi tidak stabil. Oleh itu, kaedah purata dan semakan berdasarkan ambang material dapat menghasilkan kadar nisab yang lebih munasabah, stabil dan boleh dirancang. Daripada sudut tatakelola, model ini meningkatkan kebolehesan keputusan institusi. Setiap kadar nisab yang diumumkan perlu disertakan dengan formula, sumber harga, tarikh kuat kuasa, tarikh semakan dan justifikasi syariah. Pendedahan ini penting supaya masyarakat dapat memahami sebab kadar nisab berubah. Ia juga membolehkan keputusan institusi zakat diaudit, disemak dan dipertanggungjawabkan. Dengan itu, perubahan kadar nisab tidak dilihat sebagai keputusan yang arbitrari, tetapi sebagai hasil daripada metodologi yang tersusun.

Model Ambang Hibrid juga lebih defensibel berbanding dua pendekatan ekstrem. Pendekatan ekstrem pertama ialah penggunaan harga harian secara mutlak. Pendekatan ini mungkin kelihatan tepat daripada sudut pasaran, tetapi terlalu terdedah kepada turun naik jangka pendek. Pendekatan ekstrem kedua ialah penggunaan kadar tahunan yang tidak disemak langsung walaupun berlaku perubahan harga emas yang sangat besar. Pendekatan ini pula mungkin stabil, tetapi boleh menjadi terlalu jauh daripada realiti pasaran. Model Ambang Hibrid berada di tengah-tengah kedua-dua pendekatan tersebut: ia stabil dalam keadaan biasa, tetapi tetap responsif apabila perubahan pasaran menjadi material. Kesimpulannya, Model Ambang Hibrid menawarkan kerangka penentuan nisab yang lebih seimbang antara fiqh, ekonomi dan tatakelola. Ia mengekalkan prinsip syarak 85 gram emas, mengurangkan kesan volatiliti harian, menyediakan mekanisme semakan luar biasa dan menuntut pendedahan awam yang jelas. Dengan itu, model ini boleh membantu institusi zakat meningkatkan ketelusan, keadilan dan keyakinan masyarakat dalam penentuan nisab zakat harta berasaskan emas.

Implikasi Kajian

Kajian ini mempunyai implikasi teori, metodologi dan polisi. Daripada sudut teori, artikel ini menegaskan bahawa penetapan nisab zakat harta berasaskan emas perlu dianalisis melalui pemisahan antara kadar syarak dan mekanisme pentadbiran. Pemisahan ini membolehkan perbincangan menjadi lebih tepat. Perbezaan formula antara negeri tidak semestinya menandakan perbezaan hukum asas, tetapi mungkin perbezaan ijtihad pentadbiran. Daripada sudut metodologi, artikel ini mencadangkan bahawa kajian nisab tidak memadai jika hanya menggunakan analisis fiqh atau analisis ekonomi secara berasingan. Isu nisab moden menuntut pendekatan integratif kerana nilai nisab dalam mata wang semasa dipengaruhi oleh nas syarak, fungsi wang moden, harga emas global dan struktur institusi zakat. Oleh itu, penyelidikan masa depan boleh menggabungkan analisis fiqh dengan pemodelan data harga emas untuk menguji kestabilan setiap model. Daripada sudut polisi, artikel ini mencadangkan agar institusi zakat di Malaysia membangunkan garis panduan penetapan nisab yang memuatkan standard pendedahan minimum. Garis panduan tersebut tidak perlu menyeragamkan semua kadar secara mutlak, tetapi perlu menyeragamkan cara maklumat diterbitkan. Dengan kata lain, yang lebih

mendesak bukan semata-mata “satu kadar nasional”, melainkan “satu standard ketelusan nasional”.

Kesimpulan

Artikel ini telah menghujahkan bahawa penetapan nisab zakat harta berasaskan emas dalam konteks Malaysia perlu difahami sebagai gabungan antara ketetapan syarak dan ijtihad pentadbiran. Daripada sudut syarak, asas nisab emas adalah tetap pada 20 dinar atau 20 mithqal, yang lazimnya diterjemahkan sebagai 85 gram emas. Kedudukan ini disokong oleh nas, ijmak dan pandangan mazhab. Namun, apabila kadar tersebut diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia, ruang ijtihad pentadbiran terbuka kerana harga emas berubah mengikut pasaran global.

Perbincangan artikel ini menunjukkan bahawa isu nisab moden tidak boleh disempitkan kepada pertanyaan sama ada hendak menggunakan harga semasa atau harga purata. Isu sebenar ialah bagaimana institusi zakat dapat membina formula yang stabil, telus, boleh diaudit dan selaras dengan masalah. Dalam hal ini, qawā'id fiqhiyyah seperti al-muqaddarāt al-shar'iyah lā majāl li al-ra'y fihā, taṣarruf al-imām 'alā al-ra'iyah manūṭ bi al-maṣlahah, al-mashaqqah tajlib al-taysīr dan dar' al-mafāsīd muqaddam 'alā jalb al-maṣāliḥ memberikan asas normatif yang kukuh.

Artikel ini mencadangkan Model Ambang Hibrid sebagai kerangka pentadbiran yang dapat mengekalkan asas 85 gram emas, menggunakan purata harga sebagai kadar asas, serta menyediakan mekanisme semakan luar biasa apabila perubahan harga melepasi ambang yang material. Model ini tidak mengubah nisab syarak, tetapi mengurus cara nisab itu diterjemahkan kepada mata wang semasa. Dengan itu, ijtihad pentadbiran bukanlah kompromi terhadap nas, tetapi instrumen untuk memastikan nas dilaksanakan secara adil, stabil dan berkesan dalam realiti ekonomi kontemporari.

Kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan. Memandangkan artikel ini memfokuskan kepada pembinaan kerangka konseptual berasaskan analisis kualitatif, Model Ambang Hibrid yang dicadangkan belum diuji secara empirikal menggunakan pemodelan ekonometrik yang lebih kompleks. Oleh itu, kajian masa depan amat disyorkan untuk menjalankan ujian tegasan (stress testing) ke atas model ini menggunakan data siri masa (time series) harga emas sebenar sepanjang 10 tahun lalu. Selain itu, pengesahan (validation) model melalui kaedah Delphi bersama pakar-pakar mufti dan ahli ekonomi Islam juga diperlukan sebelum ia boleh diangkat sebagai dasar kebangsaan.

Acknowledgements

Penyelidikan ini ditaja oleh Geran Penyelidikan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) 2025 yang bertajuk Kajian Tafsiran Semula Jenis-Jenis Zakat Harta Yang Dizakatkan Berdasarkan Kajian Haul dan Nisab Terkini.

References

- Abd. Wahab, N., Zainol, Z., & Abu Bakar, M. (2017). Towards developing a service quality index for zakat institutions. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 8(3), 326–333. <https://doi.org/10.1108/JIABR-09-2015-0040>
- Ahmad, I. U. (1992). Islam and the Economic Challenge: By M. Umer Chapra. Leicester, UK: The Islamic Foundation and IIIT, 1992, 428 pp. *American Journal of Islam and Society*, 9(4), 546–555. <https://doi.org/10.35632/ajis.v9i4.2540>
- Ahmed, H. (2004). Role of Zakah and Awqaf in Poverty Alleviation. *Occasional Papers*, Occasional Papers, Article 201. <https://ideas.repec.org/p/ris/irtiop/0201.html>
- Al-Khaṭīb al-Shirbīnī, M. A. (1994). *Mughnī al-Muḥtāj ilā ma 'rifat ma 'ānī alfāz al-Minhāj* (Jil. 6). <https://shamela.ws/book/11444>
- Al-Mawardi, 'Ali bin Muhammad. (1999). *Al-Hawī al-Kabir fī Fiqh Madhhab al-Imam al-Shāfi'i*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nawawī, M. al-Dī. Y. (2005). *Minhaj al-Talibin*. Dar al-Fikr. <https://shamela.ws/book/12096>
- Al-Nawawī, Y. S. (1344). *Al-Majmū' sharḥ al-Muhadhdhab* (Jil. 20). Dār al-Fikr. <https://shamela.ws/book/2186>
- Al-Qaradawī, Y. (1973). *Fiqh al-Zakat*. Muassasah al-Risalah. <https://old.shamela.ws/rep.php/book/3075>
- Al-Qarāfī, A. I. (t.th.). *Al-Furūq: Anwār al-Burūq fī anwā' al-Furūq*. 'Ālam al-Kutub.
- Al-Ramlī, M. A. (1984). *Nihāyat al-Muḥtāj ilā sharḥ al-Minhāj* (Jil. 8). Dār al-Fikr. <https://shamela.ws/book/3565>
- Al-Shāṭibī, I. ibn M. (1417). *Al-Muwāfaqāt* (Jil. 7). Dār Ibn 'Affān. <https://shamela.ws/book/11435>
- Al-Shīrāzī, I. A. (t.th.). *Al-Muhadhdhab*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. Diambil 3 Jun 2026, dari <https://shamela.ws/book/11813>
- Al-Suyūṭī, J. (1990). *Al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zarkashī, B. (1985). *Al-Manthūr fī al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Wizārat al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah.
- Al-Zuhaylī, M. W. (t.th.). *Fiqh al-Islam wa Adillatuh* (Jil. 10). Dar al-Fikr. Diambil 5 Jun 2025, dari <https://shamela.ws/book/384>
- Baharudin, M. H. (2023). *Exploring the Guidelines of Zakat on Cryptocurrency* [PhD Thesis, Universiti Teknologi MARA (UiTM)]. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/88694/>
- Dār al-Iftā' Jordan. (2010). *Al-aṣl al-shar'ī li-niṣāb al-dhahab wa taqdīruh bi al-awzān al-mu'aṣirah*. <http://aliftaa.jo/research-fatwas/854>
- Ibn al-Mundhir, M. I. (2004). *Al-Ijmā'*. Dār al-Muslim.
- Ibn Ashur, M. T. (t.th.). *Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah*. Shamela. Diambil 5 Julai 2025, dari <https://shamela.ws/book/17094>
- Ibn Ḥajar al-Haytamī, A. M. (1983). *Tuhfat al-Muḥtāj bi-sharḥ al-Minhāj* (Jil. 10). Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī. <https://shamela.ws/book/9059>
- Ibn Nujaym, Z. (1999). *Al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- International Islamic Fiqh Academy. (1986). *Qarār bi-sha'n aḥkām al-nuqūd al-waraqīyyah wa taghayyur qīmat al-'umlah*. مجمع الفقه الإسلامي الدولي. <https://iifa-aifi.org/ar/1679.html>
- IslamWeb. (2010). *Miqdār niṣāb al-zakāh bi-ḥasab ūqīyyat al-dhahab*. <https://www.islamweb.net/ar/fatwa/136863/مقدار-نصاب-الزكاة-بحسب-أوقية-الذهب>
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. (2021, Jun 30). *Nisab Zakat Emas: Pusat Zakat Atau Nilai Semasa?* <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4850-al-kafi-1811-nisab-zakat-emas-pusat-zakat-atau-nilai-semasa>

- JAWHAR. (t.th.). *Statistik Kadar Nisab Zakat Harta*. Portal Baitulmal JAWHAR. Diambil 14 Mei 2026, dari <https://baitulmal.jawhar.gov.my/statistik-kadar-nisab-zakat-harta/>
- Kahf, M. (1999). The Performance of the Institution of Zakah in Theory and Practice. *International conference on Islamic economics towards the 21st Century, Kuala Lumpur*, 9–12. https://monzer.kahf.com/papers/english/performance_of_zakah_malaysia_1999.pdf
- Lembaga Zakat Kedah. (t.th.). *JomZakat: Sistem Pembayaran Zakat Online*. Diambil 19 Mei 2026, dari <https://jom.zakatkedah.com.my/>
- Lembaga Zakat Selangor. (t.th.). *Current Info on Nisab, Gold & Silver*. Lembaga Zakat Selangor. Diambil 14 Mei 2026, dari <https://www.zakatselangor.com.my/en/current-info-on-nisab-gold-silver/>
- London Bullion Market Association. (t.th.). *LBMA Gold Price*. LBMA. Diambil 2 Jun 2026, dari <https://www.lbma.org.uk/prices-and-data/lbma-gold-price>
- MAINJ. (t.th.). *Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ)*. Laman Utama. Diambil 14 Mei 2026, dari <https://www.maij.gov.my/>
- MAIPk. (2026). *Nisab Semasa*. <https://www.maiamp.gov.my/index.php/zakat/nisab-semasa.html>
- MUIP. (2022, November 14). *Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang*. Laman Utama. <https://muip.gov.my/zakat/>
- Obaidullah, M. (2008). *Introduction to Islamic Microfinance* (SSRN Scholarly Paper No. 1506072). Social Science Research Network. <https://papers.ssrn.com/abstract=1506072>
- Oladimeji Abioye Mustafa, M., Har Sani Mohamad, M., & Akhyar Adnan, M. (2013). Antecedents of zakat payers' trust in an emerging zakat sector: An exploratory study. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 4(1), 4–25. <https://doi.org/10.1108/17590811311314267>
- Sahih al-Bukhari 1395*. (t.th.). Diambil 5 Jun 2025, dari <https://sunnah.com/bukhari:1395>
- Sahih Muslim*. (19a). The Book of Faith. <https://sunnah.com/muslim:19a>
- Saidon, I. M., Shanmugam, J. K., & Osman, M. A. (2024). The Management of Zakat Institutions in Malaysia: A Systematic Literature Review and Future Research Agenda. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, VIII(X), 70–82. <https://doi.org/10.47772/IJRISS.2024.8100007>
- Sunan Abu Dawud*. (1573). <https://sunnah.com/abudawud:1573>
- Wahab, N. Abd., & Rahim Abdul Rahman, A. (2011). A Framework to Analyse the Efficiency and Governance of Zakat Institutions. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 2(1), 43–62. <https://doi.org/10.1108/17590811111129508>
- Wahab, N. Abd., & Rahim Abdul Rahman, A. (2012). Productivity Growth of Zakat Institutions in Malaysia: An Application of Data Envelopment Analysis. *Studies in Economics and Finance*, 29(3), 197–210. <https://doi.org/10.1108/10867371211246876>
- World Gold Council. (2024, Disember 12). *Gold Outlook 2025: Navigating Rates, Risk and Growth*. World Gold Council. <https://www.gold.org/goldhub/research/gold-outlook-2025>
- World Gold Council. (2026, Jun 1). *Gold Spot Price and Cost of Gold*. World Gold Council. <https://www.gold.org/goldhub/data/gold-prices>
- Zainal Alim Adiwijaya, E. S. (2020). Good Governance of Zakat Institutions: A Literature Review. *Journal of Southwest Jiaotong University*, 55(2). <https://www.jsju.org/index.php/journal/article/view/561>